

BAB TIGA

KAJIAN ILMU BALAGHAH SEBELUM AL-SAKKĀKĪY

3.0 Pengenalan

Seperti yang sedia maklum bahawa setiap bidang ilmu itu tidak muncul dengan sempurna secara sekaligus dalam suatu masa tertentu. Melainkan ia mengalami perkembangannya secara berperingkat-peringkat di tangan pakar pakar menerusi penulisan-penulisan mereka masing-masing. Begitu juga ilmu balaghah, ia berkembang di tangan para ahli menerusi penulisan-penulisan mereka, sama ada penulisan dalam bidang kesusasteraan, dalam bidang bahasa Arab, mahupun dalam bidang pentafsiran ayat-ayat al-Quran al-Karim. Oleh itu, untuk melihat peranan seseorang tokoh itu perlu mengkaji sejarah perkembangan ilmu tersebut.

Maka untuk mengkaji peranan al-Sakkākīy perlulah melihat kepada perkembangan balaghah sebelumnya. Kajian balaghah sebelum al-Sakkākīy sangat luas dan melibatkan puluhan tokoh terkenal dalam bidang balaghah dan bahasa Arab. Walau bagaimanapun di sini penulis mengambil tiga orang tokoh sahaja sebagai perbandingan, iaitu Ibn al-Mu‘tazz, yang dianggap sebagai pengasas ilmu *badī‘* menerusi karyanya kitab *al-Badī‘*, Usāmat bin Munqidh, penulis menarik perhatian untuk menyebutnya kerana beliau seorang tokoh yang mengumpulkan bab-bab ilmu *badī‘* dari kitab-kitab para ulama terdahulu dalam sebuah kitab yang berjudul *al-Badī‘ Fī al-Badī‘* dan ‘Abd Qāhir al-Jurjānīy yang dianggap sebagai pengasas ilmu *ma‘ānī* dan ilmu *bayān* menerusi dua karyanya *Asrār al-Balāghat* dan *Dalā’il al-I’jāz*.

Di samping itu, kedua-dua karya al-Jurjānīy ini merupakan sandaran bagi balaghah al-Sakkākīy dalam *Miftāḥ al-‘Ulūm*.

3.1 Ibn al-Mu‘tazz

Ibn al-Mu‘tazz adalah keturunan dari keluarga khalifah ‘Abbasiyah. Nama penuh beliau ialah AbduLlāh bin al-Mu‘tazz bin al-Mutakkal bin al-Mu‘taṣim bin Hārūn al-Rasyīd. Beliau dilahirkan pada tahun 247 H / 861 M. Memegang jawatan khalifah tidak sampai masa satu hari dan satu malam, kemudian meninggal dunia dibunuh pada tahun 296 H / 909 M. Di samping seorang yang alim beliau juga seorang sasterawan yang mahir, penyair yang mempunyai kecerdasan dan syairnya mudah difahami.

al-Badī‘ adalah kitab pertama yang ditulis secara ilmiah dalam bidang ilmu badī‘. Kitab ini ditulis pada tahun 274 H / 887 M. Beliau berkata:

"وَمَا جُمِعَ فُنُونُ الْبَدِيعِ، وَلَا سَبَقَنِي إِلَيْهِ أَحَدٌ، وَالْفَتْهُ سَنَةَ أَرْبَعٍ وَتِسْعِينَ وَمِائَتَيْنِ"

Maksudnya:

“Tiada dihimpunkan bidang ilmu badī‘ dan tiada seorangpun yang mendahului saya dalam bidang ini. Saya menulisnya pada tahun 274 H / 887 M.”¹

Dalam kitab ini Ibn al-Mu‘tazz menghimpunkan lapan belas bahagian perbincangan ilmu badī‘. Beliau membahagikannya kepada dua bahagian:

¹ Ibn al-Mu‘tazz, *al-Badī‘*, hlm. 58

Bahagian pertama dihipunkan lima bahagian yang dinamakan dengan nama “al-badī’”. Dalam bahagian ini dibincang dasar-dasar penting dalam ilmu badī’ menurut pendapatnya, iaitu:

i. al-Isti‘āraṭ "الاستِعَارَةُ" (Peminjaman; gaya bahasa bersifat metefora)

Ibn al-Mu‘tazz memulakan perbincangan badī’nya dengan al-isti‘āraṭ, beliau mendefinisikannya dengan “peminjaman perkataan bagi sesuatu yang tidak dikenali daripada sesuatu yang telah dikenal pasti”.¹ Beliau mengemukakan banyak contoh daripada ayat-ayat al-Quran al-Karim, hadith Rasul Allah (s.a.w.), ungkapan para sahabat, puisi-puisi para penyair jahiliah dan para penyair Islam.² Kebanyakan contoh yang diberikan adalah daripada bab al-isti‘āraṭ al-makniyyaṭ. Beliau tidak membezakan antara jenis-jenis al-isti‘āraṭ, sehingga datangnya al-Jurjānīy dan al-Sakkākīy untuk membuat pembahagian bagi perbincangan al-isti‘āraṭ secara terperinci.

ii. al-Tajnīs "التَجْنِيسُ" (Paronomasia³)

Mengikut Ibn al-Mu‘tazz al-tajnīs ialah mendatangkan perkataan yang serupa dengan yang lain dalam sesuatu bait puisi atau sesuatu ungkapan dan perkataan yang serupa dengannya, sama dari segi susunan hurufnya.⁴ Beliau tidak menyebut jenis-jenis tajnīs, sehingga jenis-jenis tajnīs tersebut dibahas oleh al-Sakkākīy secara terperinci menerusi karyanya kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm*.

¹ Ibid, hlm. 2

² Lihat: Ibid, hlm. 3-10

³³³ Atabik ali dan A. Zuhdi Muhdlor, *Kamus Kontemporer Arab Indonesia*, hlm. 414, dan Lihat Harimurti Kridalaksana, *Kamus Linguistik*, hlm. 76 dan 155

⁴ Ibid, hlm. 25

iii. al-Muṭābaqat "المطابقة" (Pesesuaian)

Ibn al-Mu‘tazz tidak menyebut definisi al-Muṭābaqat dalam kitab badi‘nya, melainkan beliau menyebut ungkapan yang menunjukkan kepada al-muṭābaqat, beliau menukilkannya daripada Khalīl ungkapan: “Dikatakan: Engkau serupakan antara dua perkara apabila engkau himpulkan keduanya di atas bentuk yang sama”.¹

iv. Radd a‘jāz al-kalām ‘alā mā taqaddamahā "ردُّ أعجاز الكلام على ما تقدّمها".²

Ibn al-Mu‘tazz tidak mendefinisikan istilah ini. Mengikut pengkaji istilah ini hasil daripada pemikiran beliau sendiri, kerana istilah ini tidak didapati dalam penulisan sebelumnya. Beliau membahagikan Radd al-a‘jāz ‘alā mā taqaddamahā kepada tiga bahagian, iaitu:

1. Ungkapan yang sesuai akhir perkataannya dengan akhir perkataan pada pertengahan ungkapan yang pertama.
2. Ungkapan yang sesuai pada akhir perkataan ungkapan pertama dengan awal perkataan pada pertengahan ungkapan yang pertama.
3. Ungkapan yang sesuai akhir perkataan dengan sebahagian ungkapan.³

v. al-Madhhab al-kalāmiy "المذهب الكلامي"

¹ Ibid, hlm. 36

² al-Sakkākīy menyebutnya dengan “Radd al-‘Ajz ila al-Sadr” “ردُّ العجز إلى الصدر”

³ Ibn al-Mu‘tazz, *al-Badī*, hlm. 47-48

Nampaknya Ibn al-Mu‘tazz tidak serasi dengan istilah ini, sehingga beliau menyandarkan penamaan al-madhab al-kalāmiy kepada al-Jāhiz dan beliau menyifatkan istilah ini dengan buat-buatan, beliau berkata:

"وَهَذَا بَابٌ مَا أَعْلَمُ أَنِّي وَجَدْتُ فِي الْقُرْآنِ مِنْهُ شَيْئًا وَهُوَ يَنْسَبُ إِلَى التَّكْلِيفِ. تَعَالَى اللَّهُ عَنِ ذَلِكَ
عُلُوًّا كَبِيرًا"

Maksudnya:

“Ini adalah suatu bab yang tidak saya ketahui bahawa saya mendapatinya dalam al-Quran. Ia dikaitkan dengan pengada-ngadaan. Maha tinggilah Allah daripada demikian”.

Ibn al-Mu‘tazz mengemukakan banyak contoh untuk tajuk ini dan mengakhiri pembahagian badī‘ dengan al-madhab al-kalāmiy.¹

Adapun bahagian yang kedua daripada Kitab *al-Badī‘* Ibn al-Mu‘tazz menamainya dengan "مَحَاسِنُ الْكَلَامِ" (keindahan ungkapan). Beliau membahagikan perbincangan tentang keindahan ungkapan kepada tiga belas tajuk, iaitu:

- i. al-Iltifāt "الالتفات". Mengikut beliau al-iltifāt ialah berpaling penutur daripada percakapan bersemuka kepada bercerita, daripada bercerita kepada percakapan bersemuka dan percakapan-percakapan yang seumpamanya.²
- ii. al-I‘tirāḍ "الاعتراض". Mengikut beliau al-i‘tirāḍ ialah menyisip kata dalam suatu ungkapan yang tidak sempurna maknanya, kemudian kembali untuk

¹ Lihat: Ibid, hlm. 53-58

² Ibid, hlm. 58

menyempurnakan maknanya dalam rangkapan yang sama.¹ al-Rujū' "الرُّجُوعُ",
iaitu mengatakan sesuatu dan meralat semula.²

- iii. Ḥusn al-khurūj, "حُسْنُ الْخُرُوجِ" iaitu keluar dengan sebaik-baiknya dari suatu maksud kepada suatu maksud yang lain.³ Abū Tammām menamainya dengan al-isytirāt "الاشْتِرَاطُ"
- iv. Ta'kid al-madh bimā yusybih al-dhamm "تَأْكِيدُ الْمَدْحِ بِمَا يُشْبِهُ الدَّمَمِ". Ini adalah istilah Ibn al-Mu'tazz.⁴ Sedangkan al-'Askariy dan Ibn Rasyiq menyebutnya al-Istithnā'.
- v. Tajāhul al-'ārif "تَجَاهُلُ الْعَارِفِ".⁵ Ulama muta'akhhirīn menamainya dengan al-i'nāt "الإِعْنَاتُ" dan al-tasykīk "التَّشْكِيكُ". sedangkan al-Sakkākīy menamainya dengan Sawq al-ma'lūm masāq ghayrih "سَوْقُ الْمَعْلُومِ مَسَاقَ غَيْرِهِ".⁶
- vi. al-Hazl "الهَزْلُ" bermaksud "الجدُّ".⁷ Ibn al-Mu'tazz tidak memberikan definisi bagi istilah ini, hanya beliau menyebut contoh-contohnya sahaja.
- vii. Ḥusn al-taḍmīn "حُسْنُ التَّضْمِينِ".⁸ Ibn al-Mu'tazz tidak memberi definisi untuk istilah ini, tetapi beliau memberi contoh-contohnya sahaja.

¹ Ibid, hlm. 59

² Ibid, hlm. 60

³ Ibid, hlm. 60

⁴ Ibid, hlm. 62

⁵ Ibid, hlm. 62

⁶ al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-'Ulūm*, hlm. 537

⁷ Ibn al-Mu'tazz, *al-Badī'*, hlm. 63

⁸ Ibid, hlm. 64

- viii. al-Ta‘rīd wa al-kināyat ¹ "التَّعْرِيزُ وَالْكِنَايَةُ".¹ Ibn al-Mu‘tazz tidak memberikan definisi bagi istilah ini, hanya beliau menyebut contoh-contohnya sahaja
- ix. al-Ifrāṭ fī al-ṣifāt "الإفراطُ فِي الصِّفَةِ" iaitu al-mubālaghat ² "المُبَالَغَةُ" (berlebih-lebihan). Ibn al-Mu‘tazz tidak memberi definisi untuk istilah ini, tetapi beliau memberi contoh-contohnya sahaja.²
- x. Ḥusn al-tasybīh "حُسْنُ التَّشْبِيهِ"³ Ibn al-Mu‘tazz tidak memberi definisi bagi istilah ini, hanya beliau menyebut contoh-contohnya sahaja
- xi. I‘nāt al-syā‘ir nafsah fī al-qawāfi‘ wa takallufuh "إِعْنَاتُ الشَّاعِرِ نَفْسَهُ فِي الْقَوَافِي وَتَكَلُّفُهُ"⁴ "وَتَكَلُّفُهُ". Ibn al-Mu‘tazz tidak memberi definisi untuk istilah ini, tetapi beliau memberi contoh-contohnya sahaja. Istilah ini dinamakan oleh ulama muta’akhhirīn dengan luzūm mā lā yalzam ⁴ "الزُّومُ مَا لَا يَلْزَمُ".⁴
- xii. Ḥusn al-ibtida‘āt "حُسْنُ الْإِبْتِدَآتِ"⁵ Ibn al-Mu‘tazz tidak memberi definisi bagi istilah ini, hanya beliau menyebut contoh-contohnya sahaja

Inilah lapan belas tajuk perbincangan yang dikemukakan oleh Ibn al-Mu‘tazz dalam kitab *al-Badī‘*. Lima tajuk daripadanya dibahas dalam bahagian yang dinamakan dengan “al-badī‘”, sementara tiga belas tajuk lagi dibahas dalam bahagian keindahan ungkapan ⁵ "مَحَاسِنُ الْكَلَامِ".

¹ Ibid, hlm. 64

² Ibid, hlm. 65

³ Ibid, hlm. 68

⁴ Ibid, hlm. 74

⁵ Ibid, hlm. 75

Dalam perbahasan di atas jelaslah bahawa al-badī‘ yang dibahas oleh Ibn al-Mu‘tazz bukanlah ilmu badī‘ yang dibahas oleh al-Sakkākīy, di mana Ibn al-Mu‘tazz telah membahas al-isti‘ārat dalam bahagian yang dinamakan dengan “al-badī‘”, sementara al-iltifāt, al-kināyat dan ḥusn al-tasybīh dibahas dalam bahagian yang dinamakan dengan “mahāsin al-kalām”.

3.2 al-Jurjānīy

al-Jurjānīy ialah Abū Bakr ‘Abd al-Qāhir bin ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥammad. Beliau dilahirkan pada awal abad ke-5 Hijrah, tepatnya pada tahun 401 Hijrah di Jurjān, iaitu sebuah bandar masyhur yang terletak di antara Ṭabrastan dan Khurasān. Semua rujukan mengatakan bahawa al-Jurjānīy adalah seorang yang alim, pakar dalam bidang bahasa Arab dan balaghah, berpegang teguh pada agama, wara‘, tenang dan sentiasa menjaga diri daripada melakukan maksiat. Beliau bermazhab Syafī‘i dalam bidang fekah dan bermazhab al-‘Asy‘ariy dalam bidang akidah. Beliau meninggal dunia pada tahun 471 H / 1078 M. Ada juga yang mengatakan beliau meninggal dunia pada tahun 470 H / 1077 M.¹

al-Jurjānīy memiliki 22 karya penulisan, 5 karya tentang kajian berkaitan dengan al-Quran, 4 karya berkaitan dengan kajian balaghah, 13 karya berkaitan dengan kajian nahu, saraf dan ‘arud.² Di sini penulis menyebut dua karya beliau sahaja, iaitu *Asrār al-Balāghat* dan *Dalā’il al-I’jāz*, kerana kedua-dua karya ini merupakan sumber balaghah al-Sakkākīy:

¹ al-Subkīy, *al-Ṭabaqāt al-Syāfi‘iyyat al-Kubrā*, jil. 3, hal. 242. dan al-‘Ulwiyy, Yahyā bin Ḥamzat, *al-Ṭarāz*, hlm. 4.

² Lihat: Aḥmad Maṭlūb, *‘Abd al-Qāhir al-Jurjānīy, Balāghatuh Wa Naqduh*, hlm. 25 - 47

i. *Asrār al-Balāghat*,

al-Jurjānīy menulis kitab ini bukan untuk tujuan agama atau hal-hal yang berkaitan dengan i'jāz al-Quran, tetapi beliau menulis kitab ini semata-mata untuk membicarakan tentang balaghah. Oleh itu dalam karya ini beliau membincang tentang asas-asas perbincangan ilmu bayān, seperti tasybīh, isti'āraṭ dan majāz, sehingga kebanyakan ulama berpendapat bahawa kitab *Asrār al-Balāghat* merupakan sebuah karya yang membincang tentang ilmu bayān.

al-Jurjānīy memulakan karyanya *Asrār al-Balāghat* dengan perbincangan tentang lafaz dan makna, dan sebahagian daripada aspek-aspek ilmu badī', seperti saja', tajnīs dan taṭbīq, kemudian beliau memasuki dalam perbincangan tentang isti'āraṭ.¹ Pada mulanya beliau membuka kata dengan membicarakan tentang haqīqat dan majāz, tetapi beliau beralih kepada perbincangan tentang tasybīh dan tamthīl, kemudian mengiringinya dengan menyebut isti'āraṭ.

ii. *Dalā'il al-I'jāz*

al-Jurjānīy memulakan kitab ini dengan perbincangan makna nazam, kemudian membahas tentang kedudukan ilmu bayān, puisi, naḥu, faṣāhah dan balāghah. Di samping beliau membahas teori nazam secara terperinci, beliau juga membahas tentang aspek-aspek ilmu balaghah, seperti al-faṣl, al-waṣl, al-taqdīm, al-ta'khīr, hadhf, al-dhikr dan lain-lain, sehingga kebanyakan pengkaji berpendapat bahawa kitab *Dalā'il al-I'jāz* adalah sebuah karya yang mengasas ilmu ma'ānī.

¹ al-Jurjānīy, *Asrār al-Balāghat*, (Ed): Maḥmūd Muḥammad Syākīr, hlm. 20

Sesungguhnya telah tersebar luas di kalangan para pengkaji bahawa kitab *Asrār al-Balāghat* membahas ilmu bayān dan *Dalā'il al-I'jāz* membahas ilmu ma'ānī. Bahkan ada penerbit yang menulis “أَسْرَارُ الْبَلَاغَةِ فِي عِلْمِ الْبَيَانِ” *Asrār al-Balāghat* tentang ilmu bayān” dan “دَلَائِلُ الْإِعْجَازِ” *Dalā'il al-I'jāz* tentang ilmu ma'ānī”. Walau bagaimanapun apabila diteliti dengan penuh cermat maka akan didapati bahawa al-Jurjānīy menerusi karyanya *Asrār al-Balāghat* bukan hanya membincang aspek-aspek ilmu bayān sahaja, tetapi juga beliau membahas aspek-aspek yang tidak berkenaan dengan ilmu bayān, seperti saja', tajnīs dan taṭbīq, semua ini adalah perbincangan ilmu badī'. Begitu juga *Dalā'il al-I'jāz*, di dalamnya bukan hanya membahas ilmu ma'ānī, tetapi juga menyebut dan membahas istilah-istilah ilmu bayān.

Kita melihat bahawa al-Jurjānīy dalam perbincangannya mengikut para ulama terdahulu yang berpendapat bahawa isti'ārat itu adalah satu bahagian daripada pembahagian badī'. Pada permulaan *Asrār al-Balāghat* al-Jurjānīy menyebut tentang al-tajnīs dan al-sajā'. beliau berkata: “Tidak engkau dapati tajnīs yang boleh diperkenankan dan tidak pula saja' yang indah, sehingga ia mencapai makna yang diperlukan dan seumpamanya, serta tidak didapati padanya sebarang penyelewengan...”.¹ Setelah mengemukakan contoh-contoh tajnīs yang boleh diterima dan yang ditolak serta pembahagiannya, beliau berkata: “Adapun al-taṭbīq dan al-isti'ārat dan sekalian pembahagian badī'....”.²

Apabila diperhatikan seolah-olah al-Jurjānīy menulis kitab ini untuk membahas ilmu badī', kerana menurut beliau al-isti'ārat itu termasuk dalam bahagian ilmu badī'. Seolah-olah beliau hendak meletakkan metodologi bagi kitabnya *Asrār al-Balāghat*.

¹ al-Jurjānīy, *Asrār al-Balāghat*, hlm. 11

² Ibid, hlm. 20

Beliau menyebut al-ḥaqīqat, al-majāz, seterusnya diiringi dengan menyebut al-tasybīh dan al-tamthīl. Beliau berpendapat bahawa al-majāz itu lebih umum daripada isti‘ārat, maka tiap-tiap isti‘ārat itu adalah majāz tetapi tidaklah tiap-tiap majāz itu isti‘ārat.¹ Dengan demikian semestinya memulakan yang lebih khusus sebelum menyebut yang umum dan tasybīh sebagai asal pada isti‘ārat. Maka semestinya memulakan yang umum sebelum menyebut yang khusus. al-Tasybīh sebagai asal pada al-isti‘ārat.²

Dalam *Dalā’il al-I’jāz* al-Jurjānīy menyebutkan perbincangan berkaitan dengan bab-bab ilmu ma‘ānī, seperti “bāb al-taqdīm wa al-ta’khīr”³ “bāb al-ḥadhf”,⁴ “bāb al-faṣl wa al-waṣl”⁵ dan “bāb al-qaṣr wa al-ikhtisāṣ”.⁶

Di sini penulis mengemukakan sebahagian aspek-aspek ilmu ma‘ānī yang dikemukakan oleh al-Jurjānīy dalam *Dalā’il al-I’jāz*. Antaranya ialah seperti berikut:

i. al-Taqdīm wa al-ta’khīr "التَّقْدِيمُ وَالتَّأْخِيرُ" (Mendahulukan dan mengemudiankan)

Antara tajuk penting dalam perbincangan ilmu ma‘ānī ialah “al-taqdīm wa al-ta’khīr”. Dalam perbincangan tajuk ini al-Jurjānīy berkata:

“Ketahuilah bahawa mendahulukan sesuatu itu terdiri dari dua bahagian:

1. Taqdīm (mendahulukan) yang dikatakan untuk tujuan ta’krīr (mengemudiankan), demikian itu pada tiap-tiap sesuatu ditetapkan taqdīm atas hukum dan kedudukan

¹ Ibid, hlm. 398

² Ibid, hlm. 20

³ al-Jurjānīy, *Dalā’il al-I’jāz*, hlm. 106

⁴ Ibid, hlm. 146

⁵ Ibid, hlm. 222

⁶ Ibidz, hlm. 328

asal, misalnya khabar muḩtadā' apabila didahulukan ke atas muḩtada', dan maf'ūl apabila didahulukan ke atas fā'il, seperti pada contoh: "مُنْطَلِقُ زَيْدٍ" dan "ضَرَبَ عُمَرَا زَيْدًا". Ini dapat difahami bahawa perkataan "مُنْطَلِقُ" tidak keluar dari fungsi asalnya dengan sebab didahului ke atas muḩtada', begitu juga perkataan "عُمَرَا" ia tidak berubah fungsinya yang asal dengan sebab didahulukan ke atas fā'ilnya.

2. Taqdīm bukan bermaksud ta'khīr, tetapi untuk memindahkan sesuatu daripada hukum asal kepada suatu hukum yang lain, dipindah dari satu kategori kepada kategori yang lain serta bertukar dari segi fleksinya (i'rabnya), seperti pada contoh: "زَيْدٌ الْمُنْطَلِقُ" dan "الْمُنْطَلِقُ زَيْدٌ" dengan sebab taqdīm perkataan "الْمُنْطَلِقُ" dalam contoh ini maka perkataan tersebut tidak lagi berada dalam kategori asal sebagai khabar muḩtada', tetapi ia sudah bertukar daripada khabar muḩtada' menjadi muḩtada', begitu juga sebaliknya. Dalam contoh "ضَرَبَتْ زَيْدًا" dan "زَيْدٌ ضَرَبَتْهُ" maka perkataan "زَيْدٌ" tidak lagi berada dalam hukum asal sebagai maf'ūl bih yang maḩṣūb, tetapi ia telah bertukar menjadi muḩtada' dengan hukumnya yang marfū'.¹

ii. al-ḩadhf "الْحَذْفُ" (pembuangan)

membuang perkataan-perkataan tertentu untuk tujuan tertentu merupakan suatu perkara yang biasa berlaku dalam uslub bahasa Arab, sama ada pembuangan itu kerana darurat mahupun untuk tujuan takhḩīf (meringankan) dan ījāz (ringkas).

al-Jurjānīy menerangkan tentang membuang muḩtada' ketika qaṭa' (berhenti) dan isti'nāf (permulaan), beliau berkata:

¹ Ibid, hlm. 106-107

"وَمِنَ الْمَوَاضِعِ الَّتِي يَطْرُدُ فِيهَا حَذْفُ الْمُبْتَدَأِ الْقَطْعَ وَالْإِسْتِنَافَ يَبْدُوْنَ بِذِكْرِ الرَّجُلِ وَيُقَدِّمُوْنَ
بَعْضَ أَمْرِهِ ثُمَّ يَدْعُوْنَ الْكَلَامَ الْأَوَّلَ وَيَسْتَأْنِفُوْنَ كَلَامًا آخَرَ وَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ اتَّوَا فِي أَكْثَرِ الْأَمْرِ بِخَبَرٍ
مِّنْ غَيْرِ مُبْتَدَأٍ"

Maksudnya:

"Antara tempat yang terpaksa membuang muftada' ialah qata' dan isti'nāf, mereka memulakan dengan menyebut seseorang dan mengemukakan sebahagian keperluannya, kemudian membiarkan ungkapan yang pertama dan memulakan ungkapan yang lain, apabila berbuat demikian mereka mendatangkan dengan khabar tanpa muftada'.¹

iii. al-Faṣl wa al-waṣl "الفصل والوصل" (Pengasingan dan penyambungan)

al-Jurjānīy berkata: "Ketahuilah bahawa seperti mana adanya pada lafaz itu apa yang bersambung maknanya dengan lafaz sebelumnya, maka tidak perlu dengan sebab bersambung maknanya daripada penghubungnya, seperti sifat tidak perlu kepada partikelnya untuk menggabungkannya dengan mawsūf, demikian pula tawkid, ia tidak memerlukan kepada partikel untuk menggabungkannya dengan muakkad.

al-Jurjānīy banyak memberi contoh daripada ayat-ayat al-Quran al-Karim, antaranya ialah firman Allah (s.w.t.):

﴿ وَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَيَأْتِيَوْمَ الْآخِرِ وَمَا هُم بِمُؤْمِنِينَ ﴿٢١﴾ تَخْدِعُونَ اللَّهَ

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا ﴿٢٢﴾ ﴾

¹ Ibid, hlm. 171

Maksudnya:

“Antara manusia ada yang mengatakan: "Kami beriman kepada Allah dan hari kemudian pada hal mereka bukan orang-orang yang beriman. Mereka hendak menipu Allah dan orang-orang yang beriman".¹

Dalam ayat yang kedua dikatakan “يُخَادِعُونَ” (mereka hendak menipu) tidak dikatakan “وَيُخَادِعُونَ” dengan “و” (dan), kerana “penipuan” itu tidak ada tanpa kata mereka “أَمَّا” (kami beriman) padahal mereka bukan orang-orang yang beriman. Dengan demikian perkataan “يُخَادِعُونَ” (mereka hendak menipu) menguatkan ungkapan sebelumnya dari segi makna.²

al-Jurjānīy menjadikan kesemua bentuk al-faṣl dan al-waṣl daripada kamāl al-inqīṭā‘ dan kamāl ittaṣāl. Beliau berkata:

"وَمِنَ اللَّطِيفِ فِي الْإِسْتِيفِ عَلَى مَعْنَى جَعَلُ الْكَلَامِ جَوَابًا فِي التَّقْدِيرِ. قَوْلُ الْبَزْزِيْدِيِّ :

مَلِكُهُ حَبْلِي وَلَكِنَّهُ * أَلْقَاهُ مِنْ زُهْدٍ عَلَى غَارِبِي

وَقَالَ إِنِّي فِي الْهَمَى كَاذِبٌ * إِنَّتَمَ اللَّهُ مِنَ الْكَاذِبِ

إِسْتَأْنَفَ قَوْلَهُ: إِنَّتَمَ اللَّهُ مِنَ الْكَاذِبِ، لِأَنَّهُ جَعَلَ نَفْسَهُ كَأَنَّهُ يَجِيبُ سَائِلًا قَالَ لَهُ: فَمَا تَقُولُ فِيمَا أَتَّهَمَكَ بِهِ مِنْ أَنَّكَ كَاذِبٌ؟ فَقَالَ أَقُولُ: إِنَّتَمَ اللَّهُ مِنَ الْكَاذِبِ "

¹ Surah al-Baqarah (2): 8 - 9

² al-Jurjānīy, *Dalā'il al-I'jāz*, hlm. 235

Maksudnya:

“Antara ungkapan yang halus pada permulaan ayat dari segi makna ialah menjadikan ungkapan itu sebagai jawapan kepada soalan andaian. Contohnya kata al-Yazīdīy¹:

Aku memilikinya ikatanku dan tetapi

Aku menemuinya daripada kejauhanku

Dia berkata: Sesungguhnya aku di udara itu dusta

Maka ia berkata: Aku berkata: Allah menyiksa orang yang dusta

Dia memulakan katanya: Allah menyiksa orang yang dusta, kerana sesungguhnya dia membuat dirinya seolah-olah menjawab orang yang bertanya kepadanya: Apa kamu katakan terhadap orang yang menuduh kamu dusta ?. maka dia berkata: Aku berkata “Allah menyiksa orang yang dusta”.²

Banyak lagi contoh-contoh yang beliau kemukakan untuk al-faṣl dan al-waṣl. Yang terdiri daripada ayat-ayat al-Quran al-Karim.³

iv. al-Qaṣr "القَصْرُ" (Pengkhususan⁴)

al-Jurjānīy memulakan perbincangan tajuk ini dengan qaṣar dengan Innama "أِنَّمَا". Ia dianggap sebagai suatu usaha al-Jurjānīy sendiri tanpa mengambil dari ulama

¹ al-Yazīdīy ialah Yaḥyā bin al-Mubārak al-‘Adawīy, sasterawan daripada Basrah. Meninggal dunia pada 102 H - 202 H / 720 M – 817 M. (Lihat: Lawis Ma‘lūf, *al-Munjid Fī al-Lughat Wa al-I‘lām*, Bahagian al-I‘lām, hlm. 619

² al-Jurjānīy, *Dala‘il al-I‘jāz*, hlm. 237-238

³ Lihat: Ibid, hlm. 244

⁴ al-Qaṣr di sini bermaksud “al-takḥṣīṣ” (pengkhususan), Lihat: ‘Abd al-Raḥmān Ḥasan, *al-Balāghat al-‘Arabiyyat*, jil. 1, hlm. 523

yang telah terdahulu. Oleh itu beliau dianggap sebagai orang pertama yang mengasasnya dan meletakkan kaedah-kaedahnya.

Beliau menerangkan bahawa innamā “إِنَّمَا” tidak datang melainkan ketika berkehendak kepada pembetulan yang mantap atau penjelasan terhadap sesuatu yang kesamar-samaran pemahamannya terhadap pendengar. Ketika dikatakan “إِنَّمَا جَاءَنِي زَيْدٌ” (Bahawasanya yang datang padaku adalah Zayd). Ini tertentu kepada orang yang menyangka bahawa yang datang itu ‘Umar umpamanya, tetapi ditentukan yang datang itu adalah Zayd dan menafikan semua yang bukan Zayd dengan cara qaṣar (penentuan) yang sebenar.

Adapun qaṣar yang dinamakan dengan ta‘yīn, seperti dikatakan: “إِنَّمَا مُحَمَّدٌ شَاعِرٌ” (bahawasanya Muḥammad itu seorang penyair) bagi orang yang ragu-ragu bahawa Muḥammad itu sama ada penyair, penulis atau lain-lain. ‘Abd Qāhir menerangkan bahagian ini secara panjang lebar serta menerangkan perbezaan antara perkataan serta menolak terhadap tiap-tiap kemungkinan yang akan mempersoalkannya.

Adapun perbincangan tentang kedudukan maqṣūr ‘alayh (yang diringkaskan) dengan Innamā “إِنَّمَا” maka al-Jurjānīy memfokuskan perbincangannya pada firman Allah (s.w.t.):

.... إِنَّمَا تَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ

Maksudnya:

“.....Sesungguhnya yang takut kepada Allah antara hamba-hambaNya, hanyalah ulama.....”¹

Dalam ayat ini maqṣūr ‘alayh (sesuatu yang diringkaskan) terletak di akhir, oleh itu dipanjangkan perbincangan dalam menghurai ayat tersebut, kerana pada “تَقْدِيمُ” (mendahulukan) nama Allah memberi maksud yang berlainan dengan makna kalau sekiranya ia dikemudiankan. Maka mendahulukannya menentukan orang-orang yang takut itu adalah para ulama, tiada selain mereka. Maka kalau dikemudiankan lafaz jalalah “الله” dan mendahulukan perkataan “العلماء”, dikatakan: “إِنَّمَا يَخْشَى الْعُلَمَاءُ اللهُ”, maka akan memberi maksud sebalik apa yang dimaksud.....”.

Kemudian al-Jurjānīy membahagikan qaṣr kepada dua bahagian:

1. Qaṣr sifat ‘alā mawsūf
2. Qaṣr mawsūf ‘alā sifat,²

Adapun perbincangan berkaitan ilmu bayān, penulis mengemukakan beberapa tajuk berikut:

- i. al-Tasybīh wa al-tamthīl "التشبيه والتَّمثِيلُ" (penyerupaan dan penyamaan)

al-Jurjānīy membahagikan tasybīh kepada dua bahagian. Salah satu daripadanya ialah tasybīh biasa, tidak memerlukan kepada pentafsiran untuk menjelaskan dan memahaminya, seperti menyamakan sesuatu yang bulat dengan bola. Ini adalah penyamaan dari segi bentuk. Ada juga penyerupaan dari segi warna, seperti

¹ Surah Fāṭir (35) : 28

² Lihat: ‘Abd Qāhir al-Jurjānīy, *Dalā’il al-I’jāz*, hlm 336 - 339

menyamakan pipi dengan bunga mawar dan tasybīh yang menghimpunkan bentuk dan warna, seperti menyamakan lampu kandil dengan setandan anggur yang bercahaya begitu juga menyerupakan antara dua sesuatu, seperti menyamakan suara atau bunyi sesuatu dengan sesuatu yang lain. al-Jurjānīy berkata:

"إِعْلَمُ أَنَّ الشَّيْئَيْنِ إِذَا شُبِّهَ أَحَدُهُمَا بِالْآخَرِ كَانَ ذَلِكَ عَلَى ضَرَبَيْنِ، أَحَدُهُمَا أَنْ يَكُونَ مِنْ جِهَةِ أَمْرٍ بَيْنَ لَا يَحْتَاجُ إِلَى تَأْوِيلٍ. وَالْآخَرُ أَنْ يَكُونَ الشَّبَهُ مُحْصَلًا بِضَرْبٍ مِنَ التَّأْوِيلِ، فَمِثَالُ الْأَوَّلِ: تَشْبِيهُ الشَّيْءِ بِالشَّيْءِ مِنْ جِهَةِ الصُّورَةِ وَالشَّكْلِ، نَحْوُ أَنْ يُشَبَّهُ الشَّيْءُ إِذَا اسْتَدَارَ بِالْكُرَّةِ فِي وَجْهِهِ، وَبِالْحَلَقَةِ فِي وَجْهِهِ آخَرَ، وَكَالتَّشْبِيهِ مِنْ جِهَةِ اللَّوْنِ، كَتَشْبِيهِ الخُدُودِ بِالوَرْدِ، ... أَوْ جَمْعِ الصُّورَةِ وَاللَّوْنِ مَعًا، كَتَشْبِيهِ الثَّرِيَّا بِعُنُقُودِ الكَرَمِ المُنُورِ، ... وَكَذَلِكَ كُلُّ تَشْبِيهِ جَمَعَ بَيْنَ شَيْئَيْنِ فِيمَا يَدْخُلُ تَحْتَ الحَوَاسِّ، نَحْوِ تَشْبِيهِكَ صَوْتِ بَعْضِ الْأَشْيَاءِ بِصَوْتِ غَيْرِهِ، كَتَشْبِيهِ أَطْيَطِ الرَّحْلِ بِأَصْوَاتِ الفَرَارِيجِ " وَمِثَالُ الثَّانِي: وَهُوَ أَشْبَهُ الَّذِي يَحْصُلُ بِضَرْبٍ مِنَ التَّأْوِيلِ، كَقَوْلِكَ: هَذِهِ حُجَّةٌ كَالشَّمْسِ فِي الظُّهُورِ، وَقَدْ شَبَّهْتَ الحُجَّةَ بِالشَّمْسِ مِنْ جِهَةِ ظُهُورِهَا...."

Maksudnya:

“ketahuilah bahawa dua perkara apabila diserupakan salah satu daripadanya dengan yang lain ia akan menjadi dua bahagian, salah satu daripadanya ia akan menjadi suatu perkara yang nyata yang tidak memerlukan kepada pentafsiran, seperti menyamakan sesuatu yang bulat dengan bola dan dengan ḥalaqat (lingkaran) dari satu segi lain. Ini adalah penyamaan dari segi bentuk. Ada juga penyerupaan dari segi warna, seperti menyamakan pipi dengan bunga mawar dan penyamaan yang menghimpunkan bentuk dan warna, seperti menyamakan lampu kandil dengan setandan anggur yang bercahaya begitu juga

menyerupakan antara dua sesuatu, seperti menyamakan suara atau bunyi sesuatu dengan suara atau bunyi yang lain”.¹

Kemudian al-Jurjānīy berkata:

وَإِذْ قَدْ عَرَفْتَ الْفَرْقَ بَيْنَ الضَّرْبَيْنِ، فَاعْلَمْ أَنَّ التَّشْبِيهَ عَامٌّ وَالتَّمْثِيلَ أَحْصَى مِنْهُ، فَكُلُّ تَمْثِيلٍ تَشْبِيهٌ، وَكَيْسَ كُلُّ تَشْبِيهٍ تَمْثِيلًا، فَأَنْتَ تَقُولُ فِي قَوْلِ قَيْسِ بْنِ الْخَطِيمِ:

وَقَدْ لَاحَ فِي الصُّبْحِ الثُّرَيَّا لِمَنْ رَأَى ❖ كَعُنُقُودٍ مُلَاحِيَّةٍ حِينَ نَوْرًا

Maksudnya:

“Apabila kamu telah mengetahui perbezaan antara dua bahagian ini, (tasybīh dan tamthīl), maka ketahuilah bahawa sesungguhnya tasybīh itu umum, sedangkan tamthīl itu lebih khusus daripadanya, maka tiap-tiap tamthīl itu adalah tasybīh, tetapi tidaklah tiap-tiap tasybīh itu tamthīl. Maka engkau katakan pada puisi Qais bin al-Khaṭīm:

“Sungguh berkilauan pada waktu subuh bintang kartika bagi orang yang melihat. bagaikan setandan anggur yang digerak angin ketika bercahaya”

Beliau berkata: Sesungguhnya (puisi ini) tasybīh yang indah, jangan kamu katakan itu tamthīl.²

Pada membezakan tasybīh dan isti‘ārat al-Jurjānīy berkata: Ketahuilah bahawa ism (lafaz) apabila digunakan pada bukan tempat letaknya kerana ada kesamaan antara keduanya, maka ia terbahagi kepada dua bahagian:

¹ al-Jurjānīy, *Asrār al-Balāghat*, hlm. 71

² Ibid, hlm. 95

1. Tidak menyebut musyabbah, sehingga ia tidak diketahui apa yang dimaksudkan, seperti dikatakan: “عَنْتَ لَنَا ظَبْيَةٌ” (muncul ke hadapan kami kijang betina) dimaksudkan “perempuan”, dan “وَرَدُّنَا بَحْرًا” (datang kepada kami lautan) bermaksud memuji. Oleh itu terjadilah kekeliruan yang bukan hanya pada orang biasa, tetapi juga kekeliruan tersebut berlaku pada orang yang memiliki pengetahuan yang tinggi. Sebagaimana yang diriwayatkan bahawa ‘Adayy ibn Hātim¹ mengalami kesamar-samaran dalam memahami maksud perkataan “الْخَيْطُ” (benang) dalam firman Allah (s.w.t.) yang berbunyi:

﴿... وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ط...﴾

Maksudnya:

“..... dan Makan minumlah hingga terang bagimu benang putih dari benang hitam, iaitu fajar.....”²

Beliau memahami maksud perkataan “الْخَيْطُ” atas makna zahir, iaitu “benang”.

Diceritakan bahawa ‘Adayy manakala ayat ini diturunkan berkata:

“أَخَذْتُ عِقَالًا أَسْوَدَ وَعِقَالًا أَبْيَضَ، فَوَضَعْتُهُمَا تَحْتَ وِسَادَتِي، فَنَظَرْتُ فَلَمْ أَتَّيِّنْ، فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "إِنَّ وِسَادَكَ لَطَوِيلٌ عَرِيضٌ، إِنَّمَا هُوَ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ”

¹ ‘Adayy bin Hātim ialah sahabat Nabi (s.a.w.), ketua kabilah Ṭayy’ pada masa jahiliyah dan setelah datangnya agama Islam, beliau sempat menyaksikan peristiwa Jamal, Siffīn dan Nahnawān bersama Sayyidina ‘Alīy bin Abī Ṭālib, beliau dijadikan sebagai teladan kerana kebaikannya, beliau dikurniakan hidup dalam masa yang lama, dan meninggal dunia di Kūfah pada tahun 68 H/ 687 M. (Lawīs Ma’lūf, *al-Munjid Fī al-Lughat Wa al-I’lām*, bahagian I’lām, hlm. 372

² Surah al-Baqarah (2): sebahagian ayat 187

Maksudnya:

“Aku ambil iqal¹ warna hitam dan iqal warna putih dan aku letakkannya di bawah bantalku, aku melihat tetapi tidak nampak apa-apa. Maka aku sampaikan perkara ini kepada Nabi (s.a.w.). Baginda bersabda: Sesungguhnya bantalmu itu sangat panjang lagi lebar, bahawasanya yang demikian itu bermaksud malam dan siang”.²

2. Menyebut musyabbah dan musyabbah bih, seperti dikatakan: “زَيْدٌ أَسَدٌ” (Zayd itu singa), “هِنْدٌ بَدْرٌ” (Hindun itu bulan purnama) dan “هَذَا الرَّجُلُ الَّذِي تَرَاهُ سَيْفٌ” (Lelaki yang kamu saksikan ini adalah pedang yang tajam terhadap musuhnya)

Kemudian beliau berkata: Jangan dikatakan isti‘ārah pada contoh “زَيْدٌ أَسَدٌ” (Zayd itu singa) dan “هِنْدٌ بَدْرٌ” (Hindun itu bulan purnama) tetapi ia adalah tasybīh.³

Tamthīl pula ialah sesuatu yang ada wajah syabahnya itu dita’wilkan (diterangkan) atau sesuatu yang wajah syabahnya tidak nyata, demikian itu apabila tidak terjadi persamaan antara dua asas pada diri sifatnya, tetapi persamaan itu pada sifat yang sesuai yang diperlukan, seperti menyerupakan ungkapan dengan madu dari segi manisnya. Manis adalah suatu sifat yang nyata pada madu, tetapi ia tidak wujud pada hakikat lafaz. Sedangkan tasybīh memerlukan persamaan dua asas pada sesuatu yang menghimpun keduanya.

¹ Iqal atau igal ialah ikatan yang dipakai di kepala oleh orang lelaki Arab, ia diikat di atas kain penutup kepala supaya tidak jatuh. (Teuku Iskandar Dkk, *Kamus Dewan*, hlm. 477)

² Hadith riwayat al-Bukhariy. al-Jurjānīy, *Asrār al-Balāghat*, hlm. 321

³ al-Jurjānīy, *Asrār al-Balāghat*, hlm. 320 - 321

Kita memerlukan keterangan pada “manis”, bermaksud daripadanya kesesuaian, iaitu apa yang dirasa dengan lidahnya pada madu itu, mendapatinya baik dan kecenderungan jiwa. Dengan keterangan ini nampak ada persamaan antara lafaz manis dan madu dan jadilah sifat yang diterangkan ini pada dua asas, maka keduanya telah mendapat kepastian. Ini kesesuaian terhadap wajah syabah itu hasil dari keterangan tersebut.¹

Begitulah pandangan al-Jurjānīy dalam membezakan antara tasybīh dan tamthīl. Apabila wajah tersebut memerlukan kepada keterangan, sama ada wajah itu mufrad atau murakab maka ia dinamakan “tamthīl” Apabila wajah itu tidak memerlukan kepada penafsiran, sama ada wajah ia mufrad atau murakab maka ia dinamakan “tasybīh”

ii. al-Majāz "المَجَاز" (Metafora)

al-Jurjānīy menerangkan bahawa “majāz” itu atas pola “maf’āl”. Apabila suatu lafaz itu digunakan menyimpang dari penggunaan asalnya dalam bahasa maka ia dinamakan dengan “majāz”, di mana mereka telah menggunakannya melampaui dari penggunaan asalnya atau melampaui tempat letaknya yang pertama, seperti perkataan “أَيْدٍ” (tangan) dimaksudkan “nikmat”, sedangkan maksud pada asalnya adalah salah satu “anggota badan” kerana nikmat itu biasanya bersumber dari tangan, dengan tangan itu sampai kepada maksud dan dengan tangan juga menerima segala pemberian. Demikian pula suatu ketentuan apabila dimaksudkan dengan “tangan” itu sebagai “kekuatan dan kekuasaan”, kerana kekuatan dan kekuasaan lebih banyak dihasilkan dengan kekuatan yang dimiliki oleh tangan, dengan tangan juga menyiksa, mengambil,

¹ Ibid, hlm. 98

menolak, mencegah dan banyak lagi kerja-kerja yang dilakukan dengan menggunakan tangan. Oleh itu mendapati bahawa mereka tidak bermaksud dengan “tangan” itu sesuatu yang tidak ada hubung kait antara tangan dengan anggota badan ini dari segi manapun.¹

Dalam *Dalā'il al-I'jāz* al-Jurjānīy berkata menerangkan tentang majāz seperti berikut:

“... وَأَنَّ كُلَّ لَفْظٍ نُقِلَ عَنْ مَوْضُوعِهِ فَهُوَ مَجَازٌ وَالْكَلَامُ فِي ذَلِكَ يَطُولُ وَقَدْ ذَكَرْتُ مَا هُوَ الصَّحِيحُ مِنْ ذَلِكَ فِي مَوْضِعٍ آخِرٍ وَأَنَا أَقْتَصِرُ هَاهُنَا عَلَى ذِكْرِ مَا هُوَ أَشْهَرُ مِنْهُ وَأَظْهَرُ وَالِاسْمُ وَالشُّهْرَةُ فِيهِ لِشَيْئَيْنِ، الْإِسْتِعَارَةُ وَالتَّمثِيلُ وَإِنَّمَا يَكُونُ التَّمثِيلُ مَجَازًا إِذَا جَاءَ عَلَى حَدِّ الْإِسْتِعَارَةِ”

Maksudnya:

“.....dan sesungguhnya tiap-tiap lafaz yang dipindahkan dari tempatnya maka ia dinamakan “majāz”. Perbincangan pada demikian itu panjang lebar, sungguh saya telah menyebutnya dengan lengkap pada tempat lain. Di sini saya meringkaskan dengan menyebutnya yang lebih masyhur sahaja, iaitu isti‘ārat dan “tamthīl”. Bahawasanya tamthīl manjadi majāz apabila datang atas batas isti‘ārat”.²

iii. al-Isti‘āratُ "الاستِعَارَةُ" (Peminjaman; gaya bahasa yang bersifat metafora)

al-Jurjānīy berpendapat bahawa tiap-tiap lafaz yang dipindahkan dari penggunaan asalnya adalah “mājaz”. Beliau menyebutkan “isti‘ārat” dan “tamthīl”.³ Isti‘ārat adalah menghendaki menyamakan sesuatu dengan sesuatu yang lain dengan

¹ Ibid, 395

² al-Jurjānīy, *Dalā'il al-I'jāz*, hlm. 67

³ Ibid, hlm. 66-67

tanpa melahirkan penjelasan penyerupaan serta mendatangkan nama musyabbah bih maka berubah musyabbah, seperti dikatakan:

"رَأَيْتُ رَجُلًا هُوَ كَالْأَسَدِ فِي شَجَاعَتِهِ وَقُوَّةِ بَطْشِهِ سَوَاءً"

Maksudnya:

“Saya melihat seorang lelaki, dia bagaikan singa dari segi keberaniannya dan kekuatan serangannya sama”

Ditinggalkan keterangan itu, maka dikatakan:

"رَأَيْتُ أُسَدًا"

Maksudnya:

“Saya melihat singa” (tanpa menyebut keterangan mengapa dia bagaikan singa).¹

Dalam karyanya *Asrār al-balāghat* beliau mengasingkan satu bab khusus untuk perbincangan isti‘ārat. Beliau membahagikannya kepada dua bahagian:

1. al-Isti‘ārat al-Mufīdat “الإِسْتِعَارَةُ الْمُفِيدَةُ”
2. al-Isti‘ārat Ghair al-Mufīdat “الإِسْتِعَارَةُ غَيْرُ الْمُفِيدَةِ”.²
- iv. al-Kināyat “الْكِنَايَةُ” (Kiasan)

Mengikut al-Jurjānīy kināyat ialah menghendaki oleh penutur untuk menetapkan sesuatu makna tanpa menyebut lafaz yang telah diletakkan kepada makna

¹ Ibid, hlm. 67

² al-Jurjānīy, *Asrār al-Balāghat*, hlm. 30

tersebut dalam bahasa, hanya mendatangkan suatu makna yang mengiringinya sebagai bukti yang menunjukkan kepada suatu makna yang dimaksud.¹ Seperti dikatakan: “طَوِيلُ النَّجَادِ” (panjang gantungan pedang) bermaksud “tinggi perawakan tubuh badan”, “كَثِيرٌ رَمَادِ الْقَدْرِ”, (banyak debu kualiti) bermaksud “banyak jamuan” dan dikatakan untuk perempuan “نَوْمٌ الصُّحَى” (banyak tidur waktu pagi) bermaksud “perempuan mewah yang memiliki pembantu yang menyelesaikan segala urusannya”.²

Dalam tiga contoh ini jelas bahawa menyampaikan suatu makna tanpa menyebut suatu lafaz yang khusus bagi makna tersebut, tetapi menyebut suatu makna yang lain yang boleh menyampaikan kepada maksud sebenar, kerana tinggi tempat gantungan pedang menunjukkan tinggi pemiliknya. Banyak debu di dapur menunjukkan ramai tetamunya dan perempuan yang hidup mewah memiliki pembantunya boleh tidur pada waktu pagi kerana tiada apapun tanggungjawab yang harus dipikul.³

al-Jurjānīy mengatakan telah sepakat di kalangan ulama bahawa kināyat (kiasan) itu lebih fasih berbanding ungkapan yang jelas, al-ta‘rīḍ (sindiran) lebih berpengaruh berbanding ungkapan yang terus-terang, isti‘ārat itu memiliki kelebihan dan keistimewaan dan majāz itu memang lebih fasih berbanding ḥaqīqat.⁴

Adapun istilah berkaitan ilmu badī‘ banyak diulang-ulang dalam *Asrār al-Balāghat*, sebagaimana istilah-istilah ilmu bayān banyak diulang-ulang dalam *Dalā’il al-I’jāz*. Dalam perbincangan tentang ilmu balaghah dapat difahami bahawa

¹ al-Jurjānīy, *Dalā’il al-I’jāz*, hlm. 66

² Ibid, hlm 66

³ Lihat: al-Jurjānīy, *Dalā’il al-I’jāz*, hlm. 66

⁴ Ibid, hlm. 70

istilah ilmu bayān dan ilmu badī‘ saling ada persamaan, bahkan ia dianggap suatu makna yang sama, di mana beliau dengan jelas berkata:

"وَأَمَّا التَّطْبِيقُ وَالْإِسْتِعَارَةُ وَسَائِرُ أَقْسَامِ الْبَدِيعِ..."

Maksudnya:

“Dan Adapun al-taṭbīq, al-isti‘āraṭ dan semua pembahagian ilmu badī‘”¹

Kemudian al-Jurjānīy berkata:

"أَمَّا الْإِسْتِعَارَةُ فَهِيَ ضَرْبٌ مِنَ التَّشْبِيهِ وَنَمَطٌ مِنَ التَّمْثِيلِ"

Maksudnya:

“al-Isti‘āraṭ adalah merupakan bahagian daripada tasybīh dan model daripada tamthīl”.²

Dalam dua petikan di atas dapat difahami al-Jurjānīy berpendapat bahawa al-isti‘āraṭ dan al-taṭbīq itu adalah termasuk dalam pembahagian ilmu badī‘. Di samping itu al-isti‘āraṭ pula adalah merupakan bahagian daripada tasybīh dan tamthīl.

Aspek-aspek ilmu badī‘ yang dikemukakan oleh beliau dalam karyanya *Asrār al-Balāghaṭ* adalah seperti berikut:

- i. al-Jinās “الجناس” (paronomasia¹), iaitu sesuatu yang tidak melampaui batasan keindahan dan kecacatan dari segi lafaz dan bunyi, melainkan pada al-jinās itu

¹ al-Jūrjānīy, *Asrār al-Balāghaṭ*, hlm. 20

² Ibid, hlm. 20

sesuatu yang dirasa oleh akal dan jiwa dan tidak memperindahkan keserupaan dua lafaz kecuali apabila berlaku kedua-dua makna dua lafaz tersebut daripada akal posisi yang terpuji dan tidak ada sasaran jami‘ antara keduanya sasaran yang jauh.² al-Jurjānīy tidak membahagikannya dan tidak membincangkan al-jinās secara terperinci.³

- ii. al-Taṭbīq "التَطْبِيقُ" (antitesis), iaitu perimbangan sesuatu dengan berlawanan, keindahannya adalah dari segi makna, kerana berlawanan antara lafaz-lafaz itu adalah mustahil berlaku.⁴
- iii. al-Saja‘, "السَّجَعُ" (sajak). al-Jurjānīy membandingkannya dengan perbincangan tentang al-tajnīs, saja‘ tidak diterima sehingga adalah makna yang dicarinya itu sama.⁵
- iv. al-Ḥasyw "الحَشْوُ" (penambahan yang sia-sia), ia dikecam, dicela dan ditolak kerana tiada memberi faedah apa-apa. Sekiranya ia ada sebarang faedah maka ia bukan al-ḥasyw dan tidak dikatakan sia-sia.⁶
- v. Ḥusn al-Ta‘līl "حُسْنُ التَّعْلِيلِ" (indah alasan), iaitu bahawa adalah bagi makna daripada makna-makna dan perbuatan daripada segala perbuatan suatu alasan yang

¹ Atabik Ali dan A. Zuhdi Muhdlor, *Kamus Kontemporer Arab-Indonesia*, hlm. 414. Mengikuti Harimurti Kridalaksana dalam *Kamus Linguistik*, hlm. 76, lebih sesuai diterjemahkan dengan "homonimi"

² al-Jurjānīy, *Asrār al-Balāghat*, hlm. 8, dan *Dalā'il al-I'jāz*, hlm. 402

³ al-Jurjānīy, *Asrār al-Balāghat*, hlm. 19

⁴ Ibid, hlm. 20

⁵ Ibid, hlm. 10-13

⁶ Ibid, hlm. 19

masyhur dari segi adat kebiasaan, kemudian datang penyair menegah alasan tersebut dan meletakkan suatu alasan yang lain.¹

Inilah sebahagian perbincangan ilmu balaghah yang dikemukakan oleh al-Jurjānīy dalam dua karyanya *Asrār al-balāghat* dan *Dalā'il al-I'jāz*. Beliau dianggap sebagai seorang ulama yang telah berjaya meletakkan kaedah-kaedah bagi ilmu balaghah”.² Walau bagaimanapun perbincangan beliau belum teratur dari segi penyusunan bab-bab dan fasal-fasalnya. Perbincangannya terhadap sesuatu masalah bagaikan tidak selesai sehingga banyak berulang-ulang tajuk yang sama di tempat yang berlainan. Dalam hal ini Muṣṭafā Nāsif berkata:

"الْكِتَابُ مُمَزَّقٌ تَتَفَرَّقُ فِيهِ الْمَسْأَلَةُ الْوَاحِدَةُ فِي أَمَاكِنٍ مُتَبَاعِدَةٍ"

Maksudnya:

“Kitab ini (*Dalā'il al-I'jāz*) bercampur-baur, berselerak, di mana di dalamnya terdapat masalah yang sama di tempat yang berlainan”³.

Muḥammad ‘Abd al-Mun‘im Khafājīy juga berkata:

"عَبْدُ الْقَاهِرِ عَالِمٌ، لَا مُؤَلِّفٌ وَحَسْبُكَ كِتَابُهُ الدَّلَائِلَ صُورَةٌ مُشَوَّةٌ لِلتَّأْلِيفِ فَهُوَ لَا يَعْرِفُ أَنْ يَكْتُبَ الْفِكْرَةَ فِي صَفَحَاتٍ مُسْتَقِلَّةٍ وَإِنَّمَا هُوَ يُبَدِي وَيُعِيدُ وَيَأْتِي مِنْ هَهُنَا وَهَهُنَا وَيُكْرِرُ التَّكْرِيرَ حَتَّى يَخْرُجَ إِلَى الْهَذَرِ وَيَذْكُرُ جُزْءًا مِنْ الْفِكْرَةِ هُنَا وَجُزْءَهَا الْآخَرَ هُنَا"

¹ Ibid, hlm. 273

² Yaḥyā bin Hamzaṭ al-‘Ulwīy, *al-Ṭarāz*, jil. 1, hlm. 4

³ Muṣṭafā Nāsif, *al-Naẓm Fī Dalā'il al-I'jāz*, *al-Qāhirat*: t.pt, 1955, jil. 3, hlm. 1

Maksudnya:

“ ‘Abd al-Qāhir seorang yang alim, bukan seorang pengarang, cukup bagimu bahawa kitab *Dalā'il al-I'jāz* itu dalam bentuk yang kurang sempurna dari segi penulisan, di mana beliau tidak tahu menulis idea dalam halaman yang terpisah, melainkan beliau memulakan dan mengulanginya, mendatangkan dari sana sini dan mengulang-ulangi sehingga keluar kepada yang tidak berkenaan, menyebutkan sebahagian idea di sini sementara sebahagiannya lagi di sana”.¹

Aḥmad Badawīy berkata:

"يَبْدُو فِي كِتَابِ الدَّلَائِلِ تَكَرُّرٌ وَعَدَمُ تَرْكِيزِ الْأَفْكَارِ وَعَدَمُ التَّقْسِيمِ الْمُحْكَمِ لِلأَبْوَابِ غَالِبًا، وَإِنَّمَا هِيَ أَفْكَارٌ تَرُدُّ فَيَسْجَلُهَا وَرُبَّمَا يَكُونُ قَدْ سَبَقَ لَهُ شَرْحٌ بَعْضِ هَذِهِ الْأَفْكَارِ أَوْ شَرْحٌ مِثْلٍ لَهَا. وَكَانَ يَنْبَغِي ضَمُّ اللَّاحِقِ إِلَى سَابِقِهِ أَوْ زِيَادَةٌ فِي شَرْحِ مَا سَبَقَ لَهُ أَنْ شَرَحَهُ"

Maksudnya:

“Kelihatan pada kitab *al-Dalā'il* berulang-ulang, tiada memfokuskan idea dan tiada pembahagian yang sempurna bagi bab-bab pada kebanyakan tempat, melainkan bab-bab tersebut adalah idea-idea yang terlintas dalam pemikiran dan terus beliau merekodkannya. Kadangkalanya sebahagian idea itu telah dihurai sebelumnya atau dihurai sekali lagi dengan huraian yang sama. Sepatutnya disatukan yang berikutnya dengan huraian yang terdahulu atau ditambah dalam huraian tersebut”.²

¹ 'Abd al-Qāhir, *Wa al-Balāghat al-'Arabiyyat*, hlm. 59

² Aḥmad Badawīy, *'Abd al-Qāhir Wa al-Balāghat al-'Arabiyyat*, hlm. 36

Inilah sebahagian perbahasan ilmu balaghah yang dikemukakan oleh al-Jurjānīy dalam dua karyanya *Asrār al-Balāghat* dan *Dalā'il al-I'jāz*. Ini tidak menunjukkan bahawa perbahasan beliau tentang ilmu balaghah hanya sekadar ini sahaja, tetapi beliau membincang bidang ini dengan terperinci. Misalnya dalam membincangkan majāz, beliau membahagikannya kepada “‘aqlīy” dan “lughawīy”,¹ kadangkalanya majāz ‘aqlīy beliau namakan dengan “majāz ḥukmīy”.² Dalam *Dalā'il al-I'jāz* beliau menamainya dengan “majāz fī al-ithbāt”, “majāz al-isnād” dan “majāz ‘aqlīy”.³ Di sini penulis hanya menyebutnya secara ringkas untuk melihat gambaran cara penyampaian beliau dalam bidang tersebut.

Apabila dirujuk kepada sumber yang mengkaji tentang al-Sakkākīy maka didapati para ulama sependapat bahawa kedua-dua karya al-Jurjānīy ini, iaitu *Asrār al-Balāghat* dan *Dalā'il al-I'jāz* adalah merupakan sumber utama bagi balaghah al-Sakkākīy dalam *Miftāḥ al-'Ulūm*.

Kedatangan al-Sakkākīy pada pertengahan abad ke-6 Hijrah dan menulis sebuah karya berjudul *Miftāḥ al-'Ulūm* pada awal abad ke-7 Hijrah, beliau mengumpulkan apa yang telah ditulis oleh para ulama sebelumnya, terutamanya apa yang ditinggalkan oleh al-Jurjānīy di samping menggunakan idea-idea sendiri, Sehingga dengan demikian kajian balaghah didapati dalam sebuah kitab yang berasingan, dengan perbahasan yang lengkap, susunan yang kemas, menarik untuk dipelajari dan mudah dirujuk bagi sesuatu tajuk yang diperlukan.

¹ al-Jurjānīy, *Asrār al-Balāghat*, hlm. 408

² al-Jurjānīy, *Dalā'il al-I'jāz*, hlm. 293

³ al-Jurjānīy, *Asrār al-Balāghat*, hlm. 366

3.3 Usāmat bin al-Munqidh

Pada akhir abad ke-5 Hijrah muncul pula Usāmat bin Munqidh¹ (488 H – 584 H / 1095 M – 1188 M), atau dikenali juga dengan panggilan “Abū al-Hārith”, Abū Muzaffar dan Abū Usāmat. Gelaran beliau ialah “Muayyid al-Dawlat”, Muayyid al-Dīn” dan “Majd al-Dīn”.²

Usāmat bin Munqidh adalah seorang tokoh yang tidak mungkin dilupakan, beliau adalah pengarang kitab *al-Badī' Fī al-Badī'*. Dalam kitab ini Ibn Munqidh telah mengumpulkan perbahasan ilmu badī' daripada kitab-kitab para ulama silam, sehingga perbahasan ilmu badī' yang direkodkan dalam kitab tersebut mencapai sembilan puluh lima bab. Pada permulaan kitabnya *al-Badī' Fī al-Badī'* beliau berkata:

“Ini adalah sebuah kitab yang aku himpun di dalamnya perkara yang beraneka ragam daripada kitab-kitab para ulama silam dalam bidang kritikan puisi, serta menyebut keindahan dan kecacatannya, mereka tokoh pencipta dan pemimpin yang diikuti. Kitab *al-Badī'* karya Ibn al-Mu'tazz, kitab *al-Hālīy* dan *al-'Āṭil* karya al-Ḥātimīy, kitab *al-Ṣinā'atayn* karya al-'Askariy, kitab *al-Lumma'* karya al-'Ajamiy, kitab *al-Naqd al-Syi'r* karya Qudāmat bin Ja'far, kitab *al-'Umdat* karya Ibn Rasyiq. Saya menghimpunkan daripada demikian itu sebaik-baik bab-babnya dan saya sebutkan daripadanya contoh-contohnya supaya kitabku

¹ Ibn Munqidh ialah Usāmat bin Mursyid bin 'Alīy bin Muqallid bin Naṣr bin Munqidh al-Kinānīy. Dilahirkan di Syaizir pada hari Minggu 27 Jamadul Akhir tahun 488 H / 1095 M. Meninggal dunia di Damsiyq pada malam Selasa 23 Ramaḍan 584 H / 1188 M (Wafiyāt al-A'yān, jil. 1, hlm. 199)

² Ibn Munqidh, *al-Badī' Fī al-Badī' Fī Naqd al-Syi'r*, (Ed) : 'Abd Ā. 'Alīy Muhannā, hlm. 4

ini tidak memerlukan kepada kitab-kitab tersebut kerana mencakup sebaik-baik apa yang ada di dalamnya”.¹

Pada akhir bab-bab kitab ini beliau berkata:

"فَيَكُونُ جُمْلَةً مَّا اشْتَمَلَ عَلَيْهِ كِتَابُنَا هَذَا خَمْسَةً وَتِسْعِينَ بَابًا"

Maksudnya:

“Maka jadilah jumlah perbahasan kitab kita ini mencapai sembilan puluh lima bab”.²

Walaupun sekian banyak bab-bab balaghah yang disebutkan oleh Usāmat bin Munqidh dalam karyanya *al-Badī' Fī al-Badī'* tetapi ia tidak sama dengan susunan ilmu balaghah seperti yang kita lihat pada hari ini, kerana pembahagian balaghah kepada ilmu ma'āni, ilmu bayān dan ilmu badī' belum ada pada masa itu, tetapi perbahasannya masih bercampur baur sebahagiannya dengan sebahagian yang lain. Metodologi yang digunakan pada masa itu adalah metodologi 'ilmīy, iaitu metodologi penyampaian maklumat dengan bahasa yang mudah difahami.

Usāmat dalam karyanya *al-Badī' Fī al-Badī'* tidak menjadikan bab-babnya khas pada ilmu badī', tetapi beliau menjadikannya sebagai suatu kajian yang lengkap, maka beliau mengkhususkan ilmu ma'ānī dengan bab-bab al-tatmīm, al-Iḥtirās, al-tadhyīl, al-Ishāb, al-Iṭnāb, al-Musāwāt. Mengkaji bab-bab ilmu bayān dengan al-istiā'rat, al-kināyat, al-isyārat dan sebagainya.³ Ini jelas menunjukkan bahawa

¹ Ibn Munqidh, Ibid, hlm. 10

² Ibid, 158

³ Ibn Munqidh, Ibid, hlm. 10

perbahasan balaghah yang diperkenalkan oleh Usāmat bukanlah seperti balaghah yang dibawa oleh al-Sakkākīy yang kita lihat pada hari ini

Begitu juga al-Zamakhshariy dalam kitabnya “*al-Kasysyāf*”, kadangkalanya beliau menyebut aspek-aspek ilmu balaghah sebagai ilmu bayān dan kadangkalanya mengistilahkan dengan ilmu badī‘. Maka dengan kedatangan al-Sakkākīy dan karyanya *Miftāh al-‘Ulūm* telah dapat menetapkan istilah-istilah tersebut pada tempatnya yang sesuai. Oleh itu dapat dikatakan bahawa al-Sakkākīy adalah orang pertama yang membahas ilmu balaghah secara sistematis dengan memisahkan satu bahagian dengan bahagian yang lain.¹

3.4 Kesimpulan

Dari perbahasan di atas dapat disimpulkan bahawa ilmu badī‘ mengikut Ibn al-Mu‘tazz bukanlah kajian ilmu badī‘ yang dibahas oleh al-Sakkākīy selepasnya, tetapi beliau membahas ilmu balaghah yang mencakup di dalamnya ilmu ma‘ānī dan ilmu bayān. Begitu juga dari segi pembahagian dan klasifikasinya yang berbeza dengan apa yang dilakukan oleh al-Sakkākīy selepasnya. Di samping itu Ibn al-Mu‘tazz tidak memberi definisi bagi banyak istilah-istilah dalam bidang balaghah. Ini tidak bererti bahawa Ibn al-Mu‘tazz tidak mampu melakukan yang demikian itu, tetapi mungkin ia tidak diperlukan pada masa itu.

al-Jurjānīy adalah seorang pakar dalam bidang sastera dan balaghah, beliau telah memberi sumbangan yang sangat besar kepada perkembangan ilmu balaghah. Terutamanya berkenaan dengan ilmu ma‘ānī dan ilmu bayān, di mana beliau telah

¹ Lihat: Maḥmūd al-Sayyid al-Dā‘im *Miftāh al-‘Ulūm, Li Abī Ya‘qūb al-Sakkākīy al-Khuwarizm wa Makānatuh Fī al-Maktabat al-‘Arabiyyat*, t.hlm

meletakkan kaedah-kaedah bagi kedua ilmu tersebut, sehingga beliau dianggap sebagai pengasas ilmu balaghah. Beliau menyebut istilah-istilah berkaitan ilmu badī hanya beberapa tajuk sahaja, seperti al-tajnīs, al-taṭbīq al-saja‘, al-ḥasyw dan ḥusn al-ta‘līl, kadangkalanya beliau menyebut juga al-ṭibāq dan al-mubālaghat. Pada permulaan karyanya *Asrār al-Balāghat* beliau berkata: isti‘ārat itu termasuk dalam ilmu badī‘ sebagaimana yang dilakukan oleh sebahagian ulama sebelumnya.

Setelah melihat dan meneliti perbincangan ilmu balaghah yang dipaparkan oleh Ibn al-Mu‘tazz menerusi karyanya *al-Badī‘*, al-Jurjānīy menerusi karyanya *Asrār al-Balāghat* dan *Dalā’il al-I‘jāz* dan Usāmat bin Munqidh menerusi karyanya *al-Badī‘ Fī al-Badī‘* kita dapati bahawa perbincangan ilmu balaghah pada masa itu belum begitu teratur, kerana masih bercampur baur dengan bidang-bidang lain, seperti bidang sastera, bidang puisi, walaupun era al-Jurjānīy disifatkan oleh para pengkaji sebagai zaman keemasan bagi ilmu balaghah, sehingga datangnya al-Sakkākīy mengemas kinikan perbincangan tersebut dengan sempurna.